

## PROFESIONALISME HAKIM SYARIE DI MAHKAMAH SYARIAH MELALUI PEMAKAIAN ARAHAN AMALAN PENULISAN TEKS ALASAN PENGHAKIMAN

### *The Professionalism of Syariah Judges in Shariah Courts Through the Application of Practice Directions the Text Writing of Grounds of Judgment*

Zulzaidi Mahmud<sup>1a\*</sup> & Ahmad Hidayat Buang<sup>2b</sup>

<sup>a</sup>Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,  
50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA

Emel: [zulzaidi86@gmail.com](mailto:zulzaidi86@gmail.com)

<sup>b</sup>Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

Emel: [ahidayat@um.edu.my](mailto:ahidayat@um.edu.my)

\*Corresponding Author: [zulzaidi86@gmail.com](mailto:zulzaidi86@gmail.com)

Received: 2 August 2022

Accepted: 22 August 2022

Published: 15 September 2022

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol27no4.466>

Abstrak	Abstract
<p>Profesionalisme pegawai kerajaan merupakan aspek penting dalam perkhidmatan institusi kerajaan di Malaysia. Mahkamah Syariah merupakan institusi kerajaan yang melaksanakan tugas kehakiman untuk mencapai keadilan. Hakim Syarie dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan tugas penghakiman dan menulis teks alasan penghakiman sebagaimana ketetapan undang-undang dan pemakaian arahan amalan. Walau bagaimanapun terdapat kritikan Panel Rayuan Mahkamah Syariah terhadap pendekatan penulisan teks alasan penghakiman yang dibuat oleh Hakim Syarie. Justeru itu, penulisan makalah ini bertujuan melihat profesionalisme Hakim Syarie melalui pemakaian arahan amalan dalam penulisan teks alasan penghakiman. Penulisan ini memfokuskan kepada arahan amalan No. 6 Tahun 2001 yang dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Pendekatan kualitatif digunakan sebagai</p>	<p>The professionalism of a civil servant is a vital aspect in reflecting excellent services of government institutions. The Syariah Court is one of the institutions responsible in practising judicial duties in order to uphold justice. A Syarie Judge was assigned with the duty to make decisions and preparing the ground of judgement based on legal provisions and practice direction. Nonetheless, there was criticism by the panel of Syariah Appeal Court on the approach taken by the Syarie Judges in writing the grounds of judgment's. Thus, this article was initiated purposely to highlight the professionalism of Syarie Judges in exercising practice directions in their writing of the grounds of judgment. This paper focuses on Practice Direction No. 6, 2001 issued by the Department of Syariah Judiciary Malaysia. The qualitative measures was applied as the methodology of this research. This writing indicates that the Syarie Judge is a person who has the value of professionalism by the legal appointment of his</p>

<p>metodologi penulisan makalah ini. Penulisan telah mendapati bahawa Hakim Syarie merupakan personal yang mempunyai nilai profesionalisme melalui pelantikan undang-undang, kompetensi dan kelayakan yang ditetapkan. Pelaksanaan tugas kehakiman termasuk menulis teks alasan penghakiman merupakan aspek penting yang perlu dilakukan secara profesional berpandukan ketetapan undang-undang dan arahan amalan yang digunakan di Mahkamah Syariah. Pemakaian arahan amalan berkenaan penulisan teks alasan penghakiman perlu dipatuhi bagi memastikan kewibawaan nilai profesionalisme Hakim Syarie di Mahkamah Syariah.</p> <p><b>Kata Kunci:</b> Profesionalisme, Hakim Syarie, Mahkamah Syariah, Alasan Penghakiman, Arahan Amalan</p>	<p>competencies and qualification, as prescribed by the authority. The execution of judicial duties which includes writing text of the ground of judgement also an important features of professionalism, that need to be exercised professionally by the Syarie Judges in accordance with the prescribed rule of laws and Practice Directions applied in Syariah Court. Hence, the application of practice direction in writing grounds of judgment's text needs to be observed in order to preserve the professional values among the Syarie Judges in Syariah Court.</p> <p><b>Keywords:</b> Professionalism, Syariah Judge, Syariah Court, Grounds of Judgment, Practice Directions</p>
----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

## 1. PENDAHULUAN

Perlembagaan persekutuan Malaysia telah memperuntukkan berkenaan dengan kewujudan Mahkamah Syariah di peringkat negeri di bawah Jadual Kesembilan, Senarai 2 Butiran 1, Senarai Negeri. Pelaksanaan ini dilaksanakan di peringkat Mahkamah Syariah Negeri (MSN) yang mana ditadbir di bawah bidangkuasa negeri-negeri (Tajul Aris, 2007). MSN melaksanakan proses keadilan sebagaimana ketetapan undang-undang yang khusus kepada masyarakat umat Islam di sesebuah negeri. Pelaksanaan tugas keadilan di MSN tersebut dilaksanakan secara khusus oleh pegawai dan kakitangan MSN termasuk tugas Hakim Syarie yang memutuskan sesuatu penghakiman. Keputusan yang dibuat oleh Hakim Syarie merupakan nilai profesionalisme yang diberikan oleh undang-undang bagi memastikan keadilan dibuat secara teratur.

Keyakinan diri, ilmu pengetahuan yang tinggi dan kerajinan membaca serta menulis menjadi pra syarat melahirkan Hakim Syarie yang profesional sebagaimana dinyatakan oleh Ghazali Abdul Rahman (2005). Pembangunan profesionalisme merujuk kepada usaha untuk membangunkan aspek profesionalisme terhadap diri individu (Muhammad Faizal et al., 2016). Hakim Syarie yang merupakan personel penting di MSN telah diberikan latihan khusus terhadap pembangunan diri daripada pelbagai aspek

termasuk pentadbiran dan perundangan untuk memastikan kompetensi pegawai yang menyeluruh. Pelaksanaan tugas hakiki Hakim Syarie iaitu membuat penghakiman dan menulis teks alasan penghakiman merupakan perkara penting terhadap penyampaian perkhidmatan kehakiman Syariah yang berkualiti.

Terdapat kritikan yang dibuat oleh panel hakim di peringkat Mahkamah Rayuan Syariah (MRyS) terhadap proses penghakiman melalui teks alasan penghakiman di MSN antaranya kes *Irshath Ibrahim bin Mohamed Ali Jinnah lwn. Fahmida Ilyas binti Mohamad Ilyas* yang mana hakim MRyS menegur Hakim Syarie Mahkamah Tinggi Syariah (MTS) yang tidak membuat perintah hak lawatan kepada pihak satu lagi. Perkara ini merupakan kritikan terhadap proses penghakiman yang sewajarnya diberikan kepada pihak-pihak secara holistik dan relevan. Terdapat juga kritikan lain yang dibuat oleh hakim di MRyS dalam kes *Syed Omar bin Syed Aidrus lwn. Sharifah Soraya binti Syed Abdul Aziz*. Panel rayuan di MRyS Selangor telah mengubah keputusan kes harta sepencarian oleh Yang Arif (YA) Hakim Syarie MTS. Hakim MRyS dalam kes ini telah menegur berkenaan keputusan YA Hakim Syarie MTS yang menentukan nilai harta dibuat ketika pihak-pihak bercerai iaitu pada tahun 1994 tanpa sebarang penjelasan dan huraian lanjut. Oleh itu, panel hakim MRyS dalam kes tersebut telah mengubah keputusan kepada nilai dibuat mengikut nilai harga pasaran semasa. Teguran dan kritikan hakim di peringkat MRyS menunjukkan bahawa proses penghakiman yang dibuat oleh Hakim Bicara hendaklah dilakukan dengan berhati-hati dan secara tidak langsung penjelasan atau alasan sesuatu keputusan di peringkat Hakim Bicara dibuat melalui teks alasan penghakiman yang lengkap, jelas dan menyeluruh. Tugas penulisan teks alasan penghakiman ini dilaksanakan melalui ketetapan undang-undang dan arahan amalan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). Profesionalisme Hakim Syarie dapat dilihat melalui pelaksanaan tugas ini untuk memastikan nilai integriti dan kewibawaan pegawai di MSN dan untuk memastikan proses keadilan dijalankan dengan teratur. Oleh yang demikian, makalah ini akan membincangkan berkenaan profesionalisme Hakim Syarie melalui penulisan teks alasan penghakiman berpandukan kepada undang-undang dan arahan amalan yang berkuatkuasa.

## 2. METODE PENYELIDIKAN

Pengumpulan data dalam penulisan makalah ini dilakukan secara kepustakaan dan dokumentasi arahan amalan yang dikeluarkan oleh pihak yang berautoriti iaitu Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). Penyelidikan dilakukan melalui metodologi kualitatif terhadap

profesionalisme Hakim Syarie di Mahkamah Syariah melalui penulisan teks alasan penghakiman. Analisis data yang dibuat adalah secara analisis kandungan teks kepada arahan amalan yang mengkhususkan subjek penyelidikan bagi mendapatkan dapatan kajian yang jitu. Peruntukan undang-undang dan pemakaian arahan amalan yang dikeluarkan oleh JKSM adalah dirujuk bagi memastikan bahawa penulisan ini teratur dan berstruktur. Makalah ini telah menyenaraikan arahan amalan berkaitan penulisan teks alasan penghakiman secara berjadual daripada keseluruhan amalan amalan yang dikeluarkan oleh JKSM. Analisis dibuat terhadap kandungan Arahan Amalan No. 6 Tahun 2001 secara berfokus untuk memastikan skop kajian adalah lebih teratur, relevan dan khusus terhadap isu yang dibangkitkan.

### **3. PROFESIONALISME HAKIM SYARIE SEBAGAI PENJAWAT AWAM DI MALAYSIA**

Mahkamah Syariah di Malaysia merupakan institusi sektor awam yang memberikan perkhidmatan keadilan kehakiman Syariah. Organisasi Mahkamah Syariah disusun secara teratur yang diketuai oleh Ketua Jabatan yang juga merupakan Ketua Hakim Syarie di peringkat negeri. Pencapaian matlamat organisasi secara zahirnya turut menunjukkan kecemerlangan sesebuah organisasi dan ia merupakan implikasi yang positif hasil daripada pengamalan keperibadian Islam dan juga profesionalisme dalam pekerjaan (Mohammad Ghazali & Nor 'Azzah, 2015). Menurut Muhamad Ariff et al. (2016) sebuah organisasi yang baik mempunyai pekerja yang produktif, berdisiplin dan berdaya saing dalam menghasilkan mutu kerja pada tahap yang paling optimum. Perwujudan institusi ini bertujuan untuk memastikan keadilan ditegakkan melalui institusi yang diiktiraf dan dilaksanakan oleh pihak yang kompeten (Zulzaidi & Ahmad Hidayat, 2021).

Institusi kehakiman Islam memerlukan kepada beberapa elemen utama seperti mahkamah, Hakim Syarie, pegawai mahkamah, pendaftar mahkamah, bailif, Peguam Syarie, Pendakwa Syarie dan sebagainya (Zulzaidi & Ahmad Hidayat, 2016). Personel yang melaksanakan tugas utama dalam institusi ini adalah Hakim Syarie yang dilantik mengikut peruntukan undang-undang. Pelantikan ini adalah menunjukkan kompetensi dan profesionalisme tugas yang perlu dilakukan. Hisham & Wan Nasyrudin (2015) menyatakan bahawa Profesionalisme membawa erti sifat-sifat kemampuan, kemahiran dan cara pelaksanaan sesuatu perkara dilakukan oleh seorang profesional. Kemampuan dan metode pelaksanaan serta bidangkuasa tugas Hakim Syarie ini ditentukan oleh undang-undang bagi memastikan tugas profesional ini dilaksanakan oleh individu yang berkelayakan dan kompeten.

Penjawat awam di Malaysia dibahagikan kepada dua kategori iaitu penjawat awam persekutuan dan penjawat awam negeri (Mohd Azam & Abd Basir, 2018). Bagi pelantikan Hakim Syarie di MSN majoritinya merupakan penjawat awam di peringkat negeri. Pelantikan Hakim Syarie merupakan jawatan yang diperuntukkan oleh undang-undang secara khusus berdasarkan tugas yang dipertanggungjawabkan. Menurut Najibah M. Zin (2012) menyatakan bahawa pelantikan Hakim Syarie adalah dari kalangan Pegawai Syariah di Malaysia bermula melalui lantikan Pegawai Syariah LS41. Pelantikan Pegawai Syariah adalah terbahagi kepada dua pelantikan iaitu di peringkat negeri dan juga peringkat persekutuan. Perkara ini adalah diuruskan di peringkat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) di peringkat persekutuan dan negeri yang menempatkan Pegawai Syariah tersebut di JKSM, JKSN dan MSN.

Pelantikan Hakim Syarie adalah di bawah bidang kuasa Sultan atau Raja negeri-negeri berkenaan, kecuali bagi Wilayah Persekutuan dan negeri-negeri yang tidak mempunyai Sultan adalah tertakluk di bawah kuasa Yang di-Pertuan Agong dan Sabah oleh Yang di-Pertua Negeri (Zaini Nasohah, 2016). Pelantikan Hakim Syarie di Wilayah Persekutuan boleh dirujuk melalui Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan)1993 (Akta 505) yang memperuntukkan bahawa pengalaman dan kompetensi menjadi asas kepada pelantikan Ketua Hakim Syarie di bawah seksyen 41, pelantikan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah di bawah seksyen 42, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah (MTS) di bawah seksyen 43 dan Hakim Mahkamah Rendah Syariah di bawah seksyen 44 (Akta 505). Kompetensi Hakim Syarie daripada peringkat Mahkamah Rendah Syariah (MRS) sehinggalah Panel Rayuan Mahkamah Rayuan Syariah (MRyS) negeri-negeri dibuat berpandukan undang-undang. (Zulzaidi, Ahmad Hidayat & Afifah, 2021). Hakim Syarie yang dilantik daripada kalangan Pegawai Syariah adalah berkhidmat di dalam perkhidmatan awam. Menurut Che Su Mustaffa (2015) bahawa perkhidmatan awam perlu memberi penekanan kepada penguasaan ilmu pengetahuan, peningkatan kompetensi dan pengamalan ciri-ciri peribadi yang positif. Pelantikan ini menunjukkan bahawa Hakim Syarie yang dilantik merupakan penjawat awam yang mempunyai kompetensi khusus bagi menjawat jawatan tersebut untuk menunjukkan nilai profesional yang ditetapkan. Jawatan Hakim Syarie adalah bersifat eksklusif dan hanya dipilih berdasarkan kelayakan akademik sewaktu pelantikan kemasukan ke jawatan Pegawai Syariah dan perakuan melalui peruntukan undang-undang.

Selaku penjawat awam, Hakim Syarie perlu mematuhi segala peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan dari aspek pengurusan, pentadbiran, pengurusan

cuti dan lain-lain. Menurut Mohd Koharuddin et al. (2012) setiap penjawat awam mestilah bertindak dengan mematuhi apa sahaja keputusan dan dasar yang telah ditetapkan oleh organisasi atau kerajaan dan bukan bertindak atas kepentingan atau pertimbangan etika mereka sendiri dalam melaksanakan tugas. Walau bagaimanapun pelantikan Hakim Syarie yang berstatus penjawat awam hanya di peringkat MRS dan MTS sahaja. Bahkan secara khusus di dalam seksyen 44 (Akta 505) memperuntukkan untuk melantik Hakim Syarie MRS dilantik daripada kalangan anggota perkhidmatan awam am Persekutuan. Walau bagaimanapun bagi pelantikan Hakim di peringkat MRyS terdapat MSN yang melantik dari kalangan Hakim Mahkamah Sivil, Bekas Pegawai Syariah dan Ahli Akademik.

Pelantikan Hakim Syarie juga adalah terbuka kepada lelaki dan perempuan. Menurut Zaini Nasohah et al. (2016) menyatakan bahawa peruntukan adalah berbentuk umum tanpa menggariskan jantina tertentu yang mana secara tersiratnya menunjukkan tiada halangan bagi wanita untuk dilantik sebagai hakim sekiranya berkelayakan. Perkara ini ditunjukkan dengan beberapa pelantikan Hakim Syarie di peringkat MRS, MTS dan Panel Rayuan seperti pelantikan Prof. Datuk Sri Dr. Zaleha Kamarudin sebagai Panel Rayuan di MRyS Negeri Terengganu. Kajian dan catatan yang dilakukan oleh Zaini Nasohah et al. (2016) berkaitan peruntukan pelantikan hakim setakat ini menunjukkan bahawa seseorang yang hendak dilantik sebagai hakim tidak dihadkan secara khusus jantina tertentu sama ada lelaki mahupun wanita. Keterbukaan ini menunjukkan bahawa institusi kehakiman Syariah merupakan institusi yang mementingkan kompetensi dan profesionalisme bagi menjalankan tanggungjawab kehakiman ini. Profesionalisme Hakim Syarie adalah dapat dilihat secara menyeluruh melalui konteks pelantikan sehinggalah proses penghakiman diputuskan. Perkara ini lebih jelas dapat dilihat melalui penulisan teks alasan penghakiman yang perlu dilakukan oleh Hakim Syarie yang profesional bagi menunjukkan nilai ketelusan dan kewibawaan institusi kehakiman Syariah.

#### **4. DAPATAN DAN PERBINCANGAN PROFESIONALISME HAKIM SYARIE MELALUI PENULISAN TEKS ALASAN PENGHAKIMAN DI MAHKAMAH SYARIAH**

Pelaksanaan tugas Hakim Syarie merupakan aspek penting dalam proses kehakiman di MSN terhadap sesuatu kes. Penghakiman dan penulisan teks alasan penghakiman merupakan dua tugas yang telah ditetapkan melalui peruntukan undang-undang di peringkat negeri. Hakim Syarie berperanan melaksanakan tugas kehakiman ini dengan memutuskan penghakiman berdasarkan peruntukan undang-undang dan bidangkuasa

kehakiman yang diberikan di bawah undang-undang pentadbiran. (Zulzaidi, Ahmad Hidayat & Afifah, 2021). Pelaksanaan tugas ini menunjukkan nilai profesionalisme yang perlu dipraktikkan oleh Hakim Syarie dalam sesuatu kes yang diputuskan. Profesionalisme dalam kerja adalah faktor penting kepada prestasi dan produktiviti bagi diri seseorang yang bekerja atau organisasi yang berkaitan dengan pekerjaan sama ada pada sektor awam, syarikat swasta, bekerja sendiri atau selainnya (Hisham & Wan Nasyrudin, 2015). Selaku penjawat awam yang dilantik oleh undang-undang, maka sewajarnya Hakim Syarie memastikan produktiviti yang efisien dilaksanakan dalam organisasi di MSN secara optimum.

#### **4.1 Profesionalisme Hakim Syarie Melalui Pengurusan Prosiding Penghakiman di Mahkamah Syariah**

Kredibiliti seorang Hakim Syarie dalam membuat keputusan dan penghakiman serta alasan penghakiman merupakan perkara penting dalam institusi kehakiman (Zulzaidi & Ahmad Hidayat, 2016). Kredibiliti dan profesionalisme Hakim Syarie di MSN dapat dilihat daripada pelbagai aspek terutama proses prosiding kes yang dijalankan termasuk penghakiman yang diputuskan. Konsep profesionalisme merujuk kepada satu set ciri, pengetahuan, kepakaran, sikap dan nilai dalam sesuatu profesion serta ciri-ciri profesionalisme terserlah melalui pengetahuan serta sifat dedikasi terhadap kerja dan tidak mementingkan diri sendiri (Zainudin & Fatimah, 2013). Profesionalisme dalam aspek kehakiman dinyatakan di dalam *The Bangalore Principles of Judicial Conduct* iaitu seorang hakim hendaklah menumpukan aktiviti profesional hakim kepada tugas kehakiman, yang mana termasuk prestasi fungsi kehakiman dan tanggungjawab di dalam mahkamah dan membuat penghakiman termasuk tugas lain yang berkaitan dengan pejabat kehakiman atau operasi mahkamah. (United Nations, 2018). Mohammad Hariz Shah dan Ahmad Hidayat Buang (2021) menyatakan bahawa dalam usaha ke arah profesionalisme dan pensisteman Mahkamah Syariah maka usaha Ahmad Ibrahim melalui laporan kes yang dibuat dalam Jurnal Hukum, Jurnal Al-Ahkam, Jurnal Kanun dan sebagainya adalah penting sebagai sumber rujukan kes di Malaysia kepada pengamal undang-undang seperti hakim dan peguam.

Profesionalisme dalam kehakiman dinyatakan oleh Zainal Rahim Seman (2018) bahawa pegawai dalam perkhidmatan kehakiman dan perundangan haruslah terus cecal dan menjalankan tanggungjawab dengan penuh profesionalisme dalam era reformasi ini. Perkara ini menunjukkan bahawa prinsip tadbir urus yang baik seperti akauntabiliti dan integriti, penyampaian perkhidmatan yang efisien dan efektif, kesaksamaan dan kepatuhan kepada

*rule of law* perlu dijadikan pegangan dalam menjalankan amanah rakyat (Zainal Rahim Seman, 2018). Menurut Mohd Azam & Abd Basir (2018) pembangunan dan kejayaan negara bergantung besar dengan kecekapan, moral dan kesungguhan penjawat awam dalam melaksanakan perintah-perintah am kerajaan. Kecekapan dan kesungguhan merupakan aspek penting kepada proses pengurusan penghakiman di MSN. Profesion Hakim Syarie memerlukan kepada komitmen secara berterusan dan nilai keilmuan yang jitu bagi memastikan penghakiman yang dibuat adalah selaras dengan undang-undang, arahan amalan dan dibuat melalui metodologi yang teratur.

Pengendalian prosiding kes di MSN adalah dilaksanakan oleh Hakim Syarie dari pelbagai aspek. Hakim Syarie berperanan melaksanakan prosiding kes dari segi pengurusan sebutan kes, perbicaraan kes, pengeluaran waran tangkap, menilai keterangan-keterangan, memutuskan hukuman dan membuat teks alasan penghakiman. Penghakiman dilakukan melalui undang-undang utama (*substantive law*) dan undang-undang prosedur (*procedural law*) (Zulzaidi, Ahmad Hidayat & Afifah, 2021). Keputusan dan penghakiman yang dibuat oleh hakim bicara akan dibacakan oleh hakim tersebut sebagaimana Sek. 130(2), Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998 (Akta 585) (Zulzaidi, Ahmad Hidayat & Afifah, 2021). Penghakiman juga boleh dibacakan oleh mana-mana hakim lain atau oleh pendaftar di mahkamah terbuka sebagaimana Sek. 130(3), Akta 585 kepada pihak-pihak yang hadir (Zulzaidi, Ahmad Hidayat & Afifah, 2021).

Hakim Syarie hendaklah memastikan tatacara proses pengendalian kes dilaksanakan sebagaimana undang-undang dan pemakaian Hukum Syarak dilakukan dengan teratur. Kegagalan mematuhi undang-undang dan Hukum Syarak akan menyebabkan penghakiman atau keputusan seseorang Hakim Syarie itu dipertikai dan dirayu sebagaimana dinyatakan oleh Ghazali Abdul Rahman (2005). Walau bagaimanapun undang-undang memberikan ruang kepada Hakim Syarie dan pihak-pihak dalam menilai prosiding kehakiman dan penghakiman yang dijalankan melalui proses semakan dan rayuan kepada Mahkamah Syariah yang lebih tinggi iaitu MTS dan MRyS. Proses ini menunjukkan bahawa MSN mempunyai sifat eksklusif yang dijamin oleh undang-undang dalam proses tindakan Hakim Syarie untuk memastikan nilai profesionalisme sentiasa berterusan. Perkara ini boleh dirujuk berdasarkan Kes *Hashim bin Mohamad lwn Norazlina binti Abd. Rashid* iaitu kes Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (permohonan semakan no: 14000-003-0041-2010) yang mana Panel Rayuan telah merujuk kepada fail kes di peringkat Mahkamah Bicara iaitu fail kes 14600-038-0336-2009. Panel Rayuan telah membuat ulasan bahawa setelah penelitian dilakukan Mahkamah Rayuan dapati Hakim Bicara telah



menyediakan alasan penghakimannya dengan teratur dalam fail berkenaan dan terdapat bukti bahawa Hakim Bicara telah pun membuat semakan deraf perintah dengan membuat beberapa tanda pindaan perkataan, namun Hakim Bicara tidak pun menggugurkan perenggan 2 & 3 draf perintah yang akhirnya menjadi perintah bersih. Mahkamah Rayuan juga telah merujuk kepada alasan penghakiman dan keputusan bicara dalam kes tersebut. Hasil penelitian Panel Rayuan tersebut mendapati keseluruhan terma-terma keputusan yang terdapat dalam penghakiman Hakim Bicara adalah sama dengan terma-terma yang tertulis dalam perintah bersih bertarikh 14 Julai 2010. Ulasan Mahkamah Rayuan di dalam kes ini menunjukkan bahawa penulisan alasan penghakiman dan proses catatan termasuk catatan di dalam deraf perintah merupakan perkara penting yang dinilai mengenai tanggungjawab Hakim Syarie di peringkat perbicaraan. Perkara ini jelas menunjukkan profesionalisme Hakim Syarie dapat ditunjukkan melalui tanggungjawab kehakiman dan proses tugas kehakiman termasuk penulisan teks alasan penghakiman.

Nilai profesionalisme Hakim Syarie di MSN melalui pelaksanaan prosiding kehakiman yang telus dapat memberikan impak kepada keyakinan masyarakat terhadap integriti institusi ini secara menyeluruh. JKSM telah mengambil langkah untuk memastikan tugas hakim dilaksanakan dengan penuh integriti dengan mengeluarkan Amalan JKSM No. 1 Tahun 2001 berkenaan dengan Kod Etika Hakim Syarie. Kepatuhan kepada pemakaian arahan amalan ini oleh Hakim Syarie dalam prosiding kehakiman merupakan asas penting untuk menjaga integriti dan mengelakkan tohmahan masyarakat terhadap proses prosiding penghakiman di MSN.

#### ***4.2 Profesionalisme Hakim Syarie Melalui Pemakaian Arahan Amalan Penulisan Teks Alasan Penghakiman di Mahkamah Syariah***

Profesionalisme Hakim Syarie dapat dilihat melalui pelaksanaan tugas yang diperuntukkan oleh undang-undang dan juga arahan pentadbiran daripada JKSM, JKSN dan MSN. Perkembangan profesional memang terdapat dalam kebanyakan organisasi demi mengekal atau meningkatkan kualiti staf yang ada (Siti Nur Aisyah & Ahmad Zabidi, 2016). Hakim Syarie yang juga sebagai penjawat awam perlu mencapai sasaran kerja tahunan (SKT) yang ditetapkan sebagai asas kepada petunjuk prestasi tugas yang dirancang. Perkara ini adalah termasuk proses penghakiman dan penulisan teks alasan penghakiman terhadap kes-kes yang dibicarakan di Mahkamah Syariah. Penulisan teks alasan penghakiman di MSN hendaklah dibuat berdasarkan peruntukan undang-undang dan arahan amalan yang dikeluarkan oleh JKSM.

Arahan Amalan merupakan pendekatan baharu yang telah mula diperkenalkan pada tahun 2000 (Mohd Nadzri, 2020). Mazni Abdul Wahab (2014) menyatakan bahawa arahan amalan ini merupakan suatu mekanisme baru untuk memperkasakan pentadbiran kehakiman Syariah di Malaysia. Arahan amalan tersebut digunakan di peringkat JKSM, JKSN dan MSN. Arahan amalan tersebut terpakai juga kepada institusi dan agensi tertentu dalam skop khusus berdasarkan keperluan yang diterangkan. Awang Suhaili (2018) menyatakan bahawa arahan amalan di Mahkamah Syariah adalah bertujuan menjelaskan peruntukan undang-undang, menyeragam, menyelaraskan dan meningkatkan kecekapan pengurusan pentadbiran kehakiman. Selain itu ianya juga dikeluarkan dan proses perbicaraan dapat dijalankan dengan lancar, adil dan sistematik (Zubaidi & Ahmad Hidayat, 2021).

Menurut Zubaidi & Ahmad Hidayat (2021) bahawa arahan amalan dikuatkuasa dan dilaksanakan setelah mendapat pengesahan daripada Ketua Hakim Syarie MSN. Pengendorsan oleh Ketua Hakim Syarie negeri merupakan sumber autoriti di Mahkamah Syariah untuk memastikan ianya diterima pakai di peringkat negeri (Mazni Abdul Wahab, 2014). Tatacara dan proses penerimaan pemakaian arahan amalan di peringkat negeri oleh JKSN dan MSN berdasarkan Arahan Amalan No. 8 Tahun 2018. Zubaidi & Ahmad Hidayat (2021) menyatakan bahawa Arahan amalan di Mahkamah Syariah tidak berstatus undang-undang. JKSM (2021) mencadangkan pindaan ke atas Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] untuk memasukkan peruntukan berkenaan Arahan Ketua Hakim Syarie yang boleh dari semasa ke semasa memberi arahan berhubung dengan tatacara Mahkamah Syariah sebagaimana yang difikirkannya perlu. Walau bagaimanapun Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pindaan) 2020 Negeri Pahang dan Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018 telah memasukkan peruntukan seumpama ini di dalam enakmen tersebut. Peruntukan ini memberi jaminan dan keabsahan kepada pemakaian arahan amalan atas nama arahan Ketua Hakim Syarie di MSN.

Pemakaian arahan amalan di peringkat JKSN dan MSN adalah daripada pelbagai aspek seperti pengurusan kes, prosiding, pentadbiran, semakan, rayuan, etika Hakim Syarie, proses penghakiman dan penulisan teks alasan penghakiman. Pengeluaran arahan amalan sejak tahun 2000 sehingga 2019 adalah sebanyak 208 arahan amalan. 34 arahan amalan telah dibatalkan dalam tempoh tersebut dan 174 masih berkuatkuasa. Zubaidi & Ahmad Hidayat (2021) menyatakan bahawa pemakaian arahan amalan ini dapat mewujudkan amalan dan standard operasi serta prosiding yang sama di

setiap Mahkamah Syariah di Malaysia. Pemakaian arahan amalan ini merupakan asas penting kepada Hakim Syarie untuk memastikan prosiding dilaksana dengan panduan yang diiktiraf oleh badan kehakiman daripada JKSM, JKSN dan MSN. Zulzaidi & Ahmad Hidayat (2016) menyatakan bahawa kredibiliti seorang Hakim Syarie adalah perkara penting dalam membuat keputusan dan penghakiman serta alasan penghakiman. Kredibiliti ini juga menjadi aspek penting profesionalisme Hakim Syarie dalam pengurusan prosiding kes dengan memakai arahan amalan sebagai panduan kepada proses penghakiman dan penulisan teks alasan penghakiman.

Profesionalisme Hakim Syarie berkenaan penulisan teks alasan penghakiman boleh dirujuk di dalam Jurnal Hukum yang diterbitkan oleh JKSM. Proses penerbitan setiap teks alasan penghakiman telah disaring dan diluluskan oleh jawatankuasa khusus bagi memastikan kualiti penerbitan kes-kes di MSN seluruh Malaysia. Arahan amalan khusus berkenaan dengan penulisan teks alasan penghakiman ini telah diwujudkan oleh JKSM untuk memastikan keselarasan proses penulisan teks alasan penghakiman untuk Hakim Syarie di Malaysia. Arahan amalan tersebut sebagaimana jadual di bawah:

**Jadual 1:** Arahan Amalan JKSM 2000-2019 Berkaitan “Alasan Penghakiman”

Bil	No. Bil Arahan Amalan	Tajuk Arahan Amalan	Catatan
1	No. 6 Tahun 2001	Alasan Penghakiman	
2	No. 10 Tahun 2001	Pengumpulan Kes-kes Untuk Jurnal Hukum	
3	No. 11 Tahun 2011	Garis Panduan Penulisan teks Penghakiman	* Dibatalkan dan digantikan dengan Arahan Amalan No. 2 Tahun 2014
4	No. 6 Tahun 2013	Penggunaan Aplikasi E-Bicara Oleh Hakim Syarie	* Dibaca bersama Arahan Amalan No. 6 Tahun 2001 dan Arahan Amalan No. 8 Tahun 2002
5	No. 2 Tahun 2014	Garis Panduan Penulisan teks Penghakiman	*Amalan ini telah membatalkan Arahan Amalan No. 11 Tahun 2011

Sumber: *Arahan Amalan JKSM Tahun 2000-2019*

Jadual di atas merupakan arahan amalan yang dikeluarkan oleh pihak JKSM khusus berkenaan penulisan teks alasan penghakiman. Makalah tidak menyenaraikan keseluruhan arahan amalan berkaitan penulisan teks alasan penghakiman ini tetapi arahan amalan yang digunakan bagi tujuan tersebut. Arahan amalan No. 11 Tahun 2011 telah dibatalkan dan digantikan dengan pemakaian arahan amalan No. 2 Tahun 2014 berkenaan Garis Panduan

Penulisan Penghakiman. Kandungan arahan amalan tersebut dilihat tidak mempunyai perubahan ketara kecuali tujuan pelarasan format untuk penerbitan alasan penghakiman di dalam jurnal Hukum keluaran JKSM. Penulisan makalah melihat bahawa, sewajarnya keselarasan format perlu dilaksanakan bagi semua alasan penghakiman yang dibuat oleh Hakim Syarie di MSN. Keselarasan tersebut bagi memastikan satu format yang selaras dan teratur serta memudahkan Hakim Syarie dalam menulis teks alasan penghakimn bagi kes yang dikendalikan. Mastura & Jasni (2016) menyatakan bahawa Hakim Syarie perlu menyediakan alasan penghakiman tertakluk kepada garis panduan penulisan teks penghakiman yang telah dikuatkuasakan dalam arahan amalan tersebut. Bagi proses pelaksanaan penghakiman bermula daripada pengurusan prosiding sehingga kepada penulisan alasan penghakiman maka pemakaian sistem e-bicara digunakan oleh Hakim Syarie sebagaimana kehendak Arahan Amalan No. 6 Tahun 2013 "Penggunaan Aplikasi E-Bicara Oleh Hakim Syarie". Pemakaian arahan amalan ini adalah sebagaimana keputusan mesyuarat arahan amalan berikut:

*Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia tahun 2013 pada 27 hingga 29 Muharram 1435H bersamaan 1 hingga 3 Disember 2013 di Port Dickson, Negeri Sembilan telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan mewajibkan para Hakim Syarie menggunakan aplikasi sistem e-Bicara bagi tujuan menyediakan nota perbincaraan dan alasan penghakiman mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan. Arahan Amalan ini hendaklah dibaca bersama dengan Arahan Amalan No.6 Tahun 2001 dan Arahan Amalan No. 8 Tahun 2002.*

Berdasarkan pemakaian arahan amalan ini, maka dua perkara dapat diselesaikan iaitu penyediaan nota perbincaraan dan penyediaan alasan penghakiman dapat dilakukan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan. Penyediaan tersebut adalah berdasarkan kepada Arahan Amalan No.6 Tahun 2001 "Alasan Penghakiman" dan Arahan Amalan No. 8 Tahun 2002 "Tempoh Masa Pengemukakan Nota Perbincaraan bagi Maksud Rayuan". Arahan amalan no. 8 tahun 2002 ini juga telah dibatalkan dan digantikan dengan Arahan Amalan No. 6 Tahun 2017 "Tempoh Masa Mengemukakan Nota Perbincaraan bagi Maksud Rayuan". Pembangunan dan pemakaian sistem e-Bicara menunjukkan bahawa Hakim Syarie perlu mempunyai pengetahuan dalam teknologi. Perkara ini ditegaskan oleh Che Su Mustaffa (2015) bahawa perkhidmatan awam kini sedang berhadapan dengan perubahan persekitaran yang dinamik antaranya ialah keperluan pekerja berpengetahuan (*knowledge*

workers), berkompotensi dalam berkomunikasi, penguasaan teknologi komunikasi dan maklumat, tadbir urus yang baik dan ekspektasi pemegang taruh dan pelanggan yang semakin meningkat. Perkara ini menunjukkan Hakim Syarie perlu menguasai teknologi sebagaimana kehendak pihak pengurusan di peringkat JKSM, JKSN dan MSN. Pemakaian arahan amalan terhadap proses penulisan teks alasan penghakiman merupakan asas penting yang perlu diketahui oleh Hakim Syarie. Perkara ini bagi memastikan nilai profesionalisme Hakim Syarie tidak dipertikai oleh pihak-pihak tertentu bagi maksud memberi tohmahan kepada institusi kehakiman Syariah di Malaysia. Pelaksanaan tugas sebagaimana ketetapan undang-undang dan ketetapan arahan amalan menjadi satu imej penting kepada kredibiliti dan profesionalisme Hakim Syarie di Mahkamah Syariah.

#### **4.3 Pemakaian Arahan Amalan No. 6 tahun 2001 Terhadap Penulisan Teks Alasan Penghakiman di Mahkamah Syariah**


Penulisan teks alasan penghakiman merupakan perkara penting dalam sesuatu perbicaraan kes di Mahkamah Syariah. Asas-asas penting proses penghakiman dan keputusan yang dibuat oleh Hakim Syarie dapat dilihat sepenuhnya melalui penulisan teks alasan penghakiman ini. Perkara ini juga sebagai asas profesionalisme Hakim Syarie dalam pengurusan prosiding kes dengan merujuk kepada undang-undang dan memakai arahan amalan sebagai panduan kepada proses penghakiman dan penulisan teks alasan penghakiman. JKSM telah mengeluarkan arahan amalan khusus berkaitan alasan penghakiman pada tahun 2001. Arahan amalan yang digunakan adalah Arahan Amalan No. 6 Tahun 2001 sebagaimana berikut:

*Arahan Amalan No. 6 Tahun 2001, "Alasan Penghakiman".  
Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil.2/2000 pada 9–11 Oktober 2000 di Melaka dan keputusan Mesyuarat Ketua-ketua Hakim Syarie kali ke 17 di Labuan 27 Oktober 2000 bersamaan dengan 26 Rejab 1421 telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan Alasan Penghakiman. Alasan Penghakiman sesuatu kes hendaklah disediakan tidak lewat dari sebulan dari tarikh penghakimannya. Ianya hendaklah menyentuh isu yang dibangkitkan, pemakaian undang-undang, Hukum Syarak, pentafsiran dan ulasan ke atas hujah-hujah pihak-pihak, Otoriti kes yang dirujuk. Semasa penulisan dibuat penggunaan tanda tulisan yang betul seperti perenggan,*

*koma, noktah, pengikat kata, seruan dan sebagainya hendaklah diikuti. Arahan ini adalah berkuat kuasa serta merta.*

Arahan amalan ini telah dikeluarkan sejak 2001 dan belum ada sebarang pindaan, pembatalan dan kemaskini dilakukan terhadap arahan amalan ini sehingga tahun 2021. Penerangan arahan amalan ini menjelaskan bahawa Hakim Syarie hendaklah mematuhi ketetapan mesyuarat arahan amalan yang telah dipersetujui berkenaan alasan penghakiman. Penulisan ini mendapati daripada kandungan keputusan arahan amalan yang dibuat terdapat tiga (3) perkara penting yang perlu diberi perhatian oleh hakim syarie khususnya bagi penulisan teks alasan penghakiman. Tiga (3) perkara penting tersebut dapat dijelaskan melalui rajah di bawah:

**Rajah 1:** Arahan Amalan No. 6 Tahun 2001 “Alasan Penghakiman”



**Sumber:** Rajah dibuat berdasarkan kandungan Arahan Amalan No. 6 Tahun 2001 (Zulzaidi & Ahmad Hidayat, 2021)

Berdasarkan rajah di atas menunjukkan tiga (3) aspek penting perlu dipatuhi oleh Hakim Syarie di Mahkamah Syariah dalam penulisan penghakiman adalah tempoh penyediaan teks, kaedah asas penulisan dan teknikal penulisan teks alasan penghakiman. Tempoh penyediaan teks alasan penghakiman hendaklah dibuat tidak lewat dari sebulan dari tarikh penghakimannya. Perkara ini bermaksud dalam tempoh sebulan dari tarikh penghakiman Hakim Syarie yang membicarakan kes hendaklah memastikan teks alasan penghakiman disediakan sebagaimana ketetapan arahan amalan. Penyediaan teks alasan penghakiman merangkumi semua kes yang dibicarakan tidaklah hanya tertumpu kepada kes yang melibatkan rayuan

sahaja. Walau bagaimanapun Hakim Syarie perlu berhati-hati dalam menulis teks alasan penghakiman bagi kes rayuan kerana ianya menjadi asas pertimbangan kepada mahkamah yang lebih tinggi untuk menilai proses kerja dan menilai asas-asas pertimbangan Hakim Syarie di peringkat perbicaraan.

Penyediaan teks alasan penghakiman dalam tempoh yang ditetapkan memberikan nilai kredibiliti kepada Hakim Syarie yang telus dan teratur dalam melaksanakan tugas. Kelewatan penyediaan teks alasan penghakiman memberikan gambaran buruk kepada profesionalisme Hakim Syarie. Mazni Abdul Wahab (2014) menyatakan bahawa antara alasan kelewatan penyediaan teks alasan penghakiman adalah tidak mempunyai masa yang mencukupi dan kebanyakan kes adalah sama. Penulisan makalah ini melihat bahawa sekiranya kes merupakan kes yang sama atau rutin maka Hakim Syarie perlu menyediakan teks alasan penghakiman yang asas dan teratur bagi memastikan setiap penghakiman yang dibuat sudah mempunyai asas pertimbangan yang mencukupi. Kes-kes rutin di peringkat mahkamah bicara di MSN adalah pengesahan lafaz cerai, tuntutan cerai, pengesahan lafaz rujuk dan pengendorsan kes sulh. Kes-kes sebegini sekiranya menjadi rungutan kelewatan penulisan teks alasan penghakiman maka ianya adalah sangat tidak wajar.

Menurut Mazni Abdul Wahab (2014) terdapat juga rungutan oleh Peguam Syarie berkenaan kelewatan dalam penyediaan alasan penghakiman. Hakim Syarie mahkamah bicara perlu memastikan penulisan teks alasan penghakiman dibuat pada waktu yang munasabah dan sebaiknya dibuat sebelum penghakiman dibuat. Bagi mengelakkan kelewatan penyediaan teks dan rungutan Peguam Syarie, maka Hakim Syarie perlu memberikan penekanan terhadap kes-kes "*jangkaan rayuan*". Jangkaan rayuan adalah merujuk kepada kes-kes yang mempunyai potensi untuk dirayu ke mahkamah yang lebih tinggi terutama kes yang melibatkan Peguam Syarie. Justeru itu, Hakim Syarie hendaklah lebih cakna dan mempunyai kecenderungan menyiapkan teks alasan penghakiman pada waktu penghakiman diputuskan atau dalam tempoh tidak lebih sebulan sebagaimana kehendak Arahan Amalan No. 6 Tahun 2001. Sekiranya teks alasan penghakiman dapat disiapkan sebelum penghakiman diputuskan, maka ianya adalah yang terbaik untuk menunjukkan bahawa Hakim Syarie sudah bersedia dengan tanggungjawab kehakiman serta menyerlahkan nilai profesionalisme Hakim Syarie.

Aspek kedua iaitu berkenaan dengan penulisan teks alasan penghakiman sebagaimana dinyatakan dalam arahan amalan adalah kaedah asas penulisan

teks. Kaedah asas penulisan yang perlu diberi perhatian oleh Hakim Syarie adalah teks hendaklah yang menyentuh isu yang dibangkitkan, pemakaian undang-undang, Hukum Syarak, pentafsiran dan ulasan ke atas hujah-hujah pihak-pihak dan otoriti kes yang dirujuk. Perkara-perkara ini merupakan asas kepada sesuatu penulisan teks alasan penghakiman yang telah diaplikasikan di dalam jurnal Hukum. Walau bagaimanapun, penulisan makalah mendapati bahawa tiada penerangan atau garis panduan kepada perkara-perkara tersebut yang dinyatakan di dalam arahan amalan tersebut. Aspek penerangan pemakaian perkara ini yang tidak diterangkan adalah bagaimana mengeluarkan isu daripada perbicaraan dan prosiding kes, undang-undang yang digunakan, metodologi merujuk Hukum Syarak, kitab-kitab fiqh, takhrij hadith dan kaedah rujukan otoriti kes. Oleh yang demikian perkara ini perlu diberi perhatian oleh pihak JKSM, JKSN dan MSN untuk memastikan Hakim Syarie mempunyai kemahiran yang wajar dalam memastikan penulisan teks alasan penghakiman dibuat secara teratur dan berkualiti.

Merujuk kepada isu berbangkit di dalam penulisan teks alasan penghakiman sebagaimana dinyatakan di dalam Arahan Amalan No. 6 Tahun 2001 tersebut menunjukkan bahawa pada tahun 2001 JKSM telah memberikan penekanan kepada perkara ini. Huraian isu berbangkit secara tersusun adalah memudahkan proses rujukan kepada teks alasan penghakiman terutama dilaporkan di dalam Jurnal Hukum. Terdapat banyak kes yang ditulis Hakim Syarie dengan mengeluarkan isu berbangkit secara sub topik dan dihuraikan secara teratur di dalam Jurnal Hukum. Sebahagian kes-kes yang dibuat sub topik khusus isu berbangkit adalah kes *Ahmad Zaini bin Abdul Karim lwn. Anis bt. Abdul Manap, Mohamed bin Abdullah lwn. Wan Zuki bin Wan Husin & Lima Yang Lain, Rizalman bin Hassan dan Seorang Lain lwn. Ketua Pendakwa Syarie JAWI, Pengesahan Nikah Faizal bin Abdul Rahman dan Norina binti Zainol Abidin, Re Dato' Seri Anwar bin Ibrahim* dan banyak lagi. Penulisan berdasarkan isu yang dibangkitkan akan dihurai serta diulas untuk Hakim Syarie dalam membuat keputusan terhadap isu tersebut. Ulasan isu tersebut akan dibuat kesimpulan dan menjadi alasan-alasan dan hujahan Hakim Syarie kepada keseluruhan penghakiman kes yang dijalankan oleh Hakim Syarie. Oleh yang demikian, bagi memastikan Hakim Syarie menulis secara tersusun dan memudahkan proses rujukan kepada teks alasan penghakiman, maka pendekatan penulisan isu berbangkit yang dibuat secara sub topik wajar diberi penekanan oleh JKSM, JKSN dan MSN. Garis panduan kepada perkara ini wajar dibuat untuk membantu Hakim Syarie membuat teks alasan penghakiman yang berkualiti dan menyeluruh. Penulisan teks alasan penghakiman secara keseluruhannya menunjukkan nilai profesionalisme Hakim Syarie di Mahkamah Syariah bagi memastikan ketelusan dan integriti dalam proses kehakiman dan keadilan.



Aspek ketiga yang ditanyakan di dalam Arahan Amalan No. 6 Tahun 2001 adalah berkenaan dengan aspek teknikal penulisan. Hal ini adalah merujuk kepada Hakim Syarie yang menulis teks alasan penghakiman hendaklah membuat penekanan terhadap penggunaan tanda tulisan yang betul seperti perenggan, koma, noktah, pengikat kata, seruan dan sebagainya. Perkara ini merupakan asas kepada mana-mana penulisan ilmiah sama ada artikel jurnal, artikel prosiding, bab buku, disertasi dan tesis termasuk penulisan teks alasan penghakiman. Aspek teknikal penulisan juga digunakan dalam proses kerja seharian seperti surat, email, memo dan kertas kerja organisasi. Junaini, Nor Suhaila & Mohd Syamril (2015) menyimpulkan di dalam penyelidikan yang dilakukan bahawa kelemahan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan penjawat awam di universiti yang berkenaan bukan sekadar tergambar pada ejaan, frasa, atau imbuhan tetapi juga kelemahan penguasaan kosa kata dalam Bahasa Melayu. Perkara ini juga perlu diberi perhatian di peringkat institusi kehakiman bagi memastikan Hakim Syarie khususnya menulis menggunakan tatacara yang betul terutama dalam prosiding kes. Penggunaan bahasa yang betul termasuk bahasa undang-undang, penggunaan istilah dalam prosiding kes digunakan dengan tepat dan penulisan teks alasan penghakiman yang mudah difahami merupakan perkara penting yang perlu diberi perhatian oleh Hakim Syarie. Justeru itu, pihak JKSM, JKSN dan MSN hendaklah sentiasa mengadakan bengkel dan kursus asas penulisan teks penghakiman dari aspek teknikal. Bengkel dan kursus tersebut dicadangkan diadakan bersama pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan pihak institut pengajian tinggi.

Kolaborasi memperkasa kehakiman Syariah sebegini wajar dibuat sebagaimana yang dilakukan oleh pihak Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan bersama dengan pihak Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Univerisiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Kolaborasi ini ini juga dilakukan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak (JKSP) bersama dengan Universiti Sultan Azlan Shah (USAS). Kerjasama yang dilakukan oleh JKSP ini adalah membabitkan dalam bidang latihan dan pembangunan program pembelajaran secara berterusan juga bermatlamat membangunkan profesionalisme dalam kalangan pegawai mahkamah. Proses pembelajaran ini menjelaskan bahawa institusi kehakiman Syariah bersedia menambah ilmu kepada kakitangan bagi meningkatkan kompetensi sebagai penjawat awam. Perkara ini juga dinyatakan oleh Che Su Mustaffa (2015) bahawa perkhidmatan awam juga perlu mengamalkan budaya pembelajaran berterusan serta sistem pengurusan fleksibel yang berupaya bertindak secara proaktif dan berkesan. Proses pembelajaran yang berterusan dalam organisasi akan meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada masyarakat dalam pelbagai

aspek. Oleh itu, peningkatan aspek teknikal dalam penulisan penghakiman wajar dilaksanakan melalui pembelajaran yang berterusan untuk memastikan Hakim Syarie menulis dengan tepat, teratur, tersusun serta mengikut format tatabasa yang betul.

Hasil penulisan makalah ini merumuskan bahawa pemakaian arahan amalan dalam penulisan teks alasan penghakiman merupakan perkara penting yang perlu diberi perhatian oleh Hakim Syarie dan Pegawai Syariah di JKSM, JKSN dan MSN. Walau bagaimanapun penggunaan Arahan Amalan No. 6 Tahun 2001 adalah perlu diteliti dan dikemaskini semula bagi memastikan bentuk penulisan adalah terkini dan wajar. Perkara ini boleh dirujuk sebagaimana yang dilakukan oleh pihak JKSM terhadap Arahan amalan No. 11 Tahun 2011 telah dibatalkan dan digantikan dengan pemakaian Arahan Amalan No. 2 Tahun 2014 berkenaan Garis Panduan Penulisan Penghakiman. Skop dan penggunaan Arahan Amalan No. 6 Tahun 2001 wajar diperjelaskan untuk membantu Hakim Syarie membuat teks alasan penghakiman yang berkualiti. Oleh yang demikian, beberapa aspek utama kaedah penulisan teks alasan penghakiman perlu dihuraikan dan ditambahbaik. Perkara yang perlu diberi perhatian oleh Hakim Syarie dalam membuat teks alasan penghakiman adalah sebagaimana berikut:

- i. Isu bidangkuasa
- ii. Isu yang dibangkitkan
- iii. Pemakaian undang-undang
- iv. Rujukan Kes-kes yang dilaporkan dan kes-kes tidak dilaporkan
- v. Hukum Syarak melalui rujukan al-Quran, Hadith dan Kitab-kitab
- vi. Pemakaian Arahan Amalan
- vii. Rujukan Pekeliling berkuatkuasa dan arahan pentadbiran
- viii. Rujukan Fatwa
- ix. Rujukan makalah ilmiah
- x. Hujahan pihak-pihak
- xi. Keterangan pihak-pihak
- xii. Beban dan berat pembuktian
- xiii. Keputusan di atas setiap elemen dan isu yang dibangkitkan
- xiv. Penghakiman keseluruhan kes

Perkara-perkara ini sebahagiannya telah diberi penekanan oleh Ahmad Ibrahim (1997), Faiza Tamby Chik (2009), Suwaid Tapah (2008) dan Ruzman Md. Noor (2009). Hal ini menunjukkan bahawa sarjana akademik juga telah meletakkan beberapa asas penting di dalam penulisan teks alasan penghakiman untuk memastikan keputusan yang dibuat mempunyai alasan yang kukuh dan wajar. Penekanan perkara-perkara asas sebagaimana

diterangkan di atas perlu diberi perhatian oleh Hakim Syarie bagi memastikan proses menulis teks alasan penghakiman dibuat dengan menyeluruh dan efisien.

Rujukan akademik seperti rujukan kepada makalah ilmiah samada ada rujukan terbitan buku dan jurnal berindeks perlu dimasukkan dalam penulisan teks alasan penghakiman pada masa kini untuk memastikan data dan penyelidikan yang telah dilakukan diambil pertimbangan dan digunakan dalam membuat keputusan penghakiman. Terdapat beberapa teks alasan penghakiman yang telah merujuk makalah ilmiah untuk membuat penghakiman. Kes yang merujuk makalah ilmiah adalah Kes *Ahmad Tamyiz Bin Haji Mak Aris Noor Haslinda Binti Hussin Lawan Norashikin Binti Abu Bakar, Dato' Zakaria Bin Abd Rahman lwn Kamalia Tan Binti Abdullah, Embun binti kasa Lwn Azmi bin kassim dan Mohamad Hariz Sani Bin Abdullah Lwn Pendakwa Syarie Negeri Perak*. Metodologi penyelidikan yang diajarkan di peringkat universiti wajar diaplikasikan di peringkat Mahkamah Syariah untuk memastikan penghakiman yang diputuskan adalah teratur dan mengikut kaedah penyelidikan yang sewajarnya. (Zulzaidi dan Ahmad Hidayat, 2021). Penerapan nilai akademik dalam penulisan teks alasan penghakiman akan menunjukkan nilai kematangan dan perubahan ke arah proses penulisan teks alasan penghakiman yang ilmiah, kukuh dan berkualiti.

Penulisan makalah ini melihat bahawa penyediaan teks alasan penghakiman sebagaimana ketetapan undang-undang dan arahan amalan dapat menunjukkan nilai profesionalisme Hakim Syarie di Mahkamah Syariah. Penyediaan teks alasan penghakiman oleh Hakim Syarie berdasarkan pemakaian arahan amalan mampu memberikan jaminan keadilan dan juga menunjukkan kompetensi Hakim Syarie yang berwibawa dan berkualiti. Perkara ini menzahirkan Profesionalisme dan kredibiliti Hakim Syarie di Mahkamah Syariah di Malaysia. Pengamalan perkara ini adalah bertepatan dengan konsep profesionalisme yang dinyatakan oleh Zainudin & Fatimah (2013) iaitu satu set ciri, pengetahuan, kepakaran, sikap dan nilai dalam sesuatu profesion serta ciri-ciri profesionalisme terserlah melalui pengetahuan serta sifat dedikasi terhadap kerja dan tidak mementingkan diri sendiri. Oleh yang demikian, profesion Hakim Syarie akan menunjukkan nilai profesional yang menyeluruh dengan memastikan segala proses penghakiman dilakukan secara tertatur, tersusun, mengikut undang-undang dan arahan amalan serta dilaksanakan dengan dedikasi dan jitu.

## 5. KESIMPULAN

Profesionalisme terhadap peranan Pegawai Mahkamah Syariah di Malaysia dapat dilihat melalui pelaksanaan tugas Hakim Syarie yang telus, integriti dan amanah dalam membuat keputusan sesuatu prosiding. Perkara ini dapat dizahirkan melalui penulisan teks alasan penghakiman yang dibuat oleh Hakim Syarie bagi mengemukakan hujahan dan alasan kepada sesuatu penghakiman yang dibuat. Kegagalan Hakim Syarie dalam membuat teks alasan penghakiman terutama kes yang melibatkan rayuan akan memberikan kesan buruk kepada institusi kehakiman Syariah kerana kegagalan Hakim Syarie melaksanakan tugas sebagaimana diamanahkan. Tatacara dan proses membuat penulisan teks alasan penghakiman ini telah didasarkan melalui peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa di peringkat negeri dan juga melalui pemakaian arahan amalan JKSM. Walau bagaimanapun, arahan amalan no. 6 tahun 2001 sebagaimana yang dibincangkan dalam makalah ini menunjukkan terdapat kekurangan yang perlu ditambahbaik terutama dari aspek kaedah asas penulisan teks alasan penghakiman. Penambahbaikan ini wajar diberi perhatian oleh pihak JKSM, JKSN dan MSN untuk memastikan Hakim Syarie melaksanakan tugas secara teratur, efisien dan relevan. Keperluan Hakim Syarie memahami dan melakukan penulisan teks alasan penghakiman yang berformat, berwibawa dan berkuliti memberi nilai tambah kepada profesionalisme Hakim syarie di MSN. Oleh yang demikian, peningkatan kualiti dan kompetensi Hakim Syarie di institusi kehakiman Syariah di Malaysia perlu diberi perhatian oleh semua pihak termasuk JKSM, JKSN, MSN dan pihak universiti terhadap perkara ini.

## 6. RUJUKAN

Ahmad Ibrahim. (1997). *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam.

*Ahmad Tamyiz Bin Haji Mak Aris Noor Haslinda Binti Hussin Lawan Norashikin Binti Abu Bakar* (JH Edisi Khas Sempena Persidangan Kehakiman Dan Perundangan Syariah Nusantara Tahun 2020, 63-82.

*Ahmad Zaini bin Abdul Karim lwn. Anis bt. Abdul Manap*, (2014) 39(1) JH 54.

Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan)1993 (Akta 505)

Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998 (Akta 585)

Arahan Amalan JKSM No. 1 Tahun 2001, “Kod Etika Hakim Syarie”.

Arahan Amalan No. 11 Tahun 2011, “Garis Panduan Penulisan Teks Penghakiman”.

Arahan Amalan No. 8 Tahun 2018, “Tatacara Penerimaan dan Pengendorsan Arahan Amalan”.

Awang Suhaili bin Ledi. (2018). Perutusan YAA Ketua Hakim Syarie Sarawak, dalam *Arahan Amalan Ketua Hakim Syarie Sarawak Tahun 2000-2017*. Sarawak: Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak.

BH Online. (2020). Jabatan Kehakiman Syariah Perak memanfaatkan kajian ahli akademik, bertarikh 4 September 2020. Dicapai pada 12 November 2021.;

<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/09/727849/jabatan-kehakiman-syariah-perak-manfaatkan-kajian-ahli-akademik>

Che Su Mustaffa. (2015). Kompetensi Komunikasi dan Kepuasan Komunikasi Penjawat Awam di Malaysia. *Jurnal Pengurusan* 43(2015) 13–26.; [https://myjurnal.mohe.gov.my/filebank/published\\_article/41642/2.pdf](https://myjurnal.mohe.gov.my/filebank/published_article/41642/2.pdf)

Faiza Tamby Chik. (2009). Penulisan Teks Penghakiman di Mahkamah Sivil: Kaedah dan Pendekatan, *Jurnal Hukum* 28(2), 137-148.

- Ghazali Abdul Rahman. (2005). Proses Penghakiman dan Menjatuhkan Keputusan di Mahkamah Syariah: Satu Penilaian, *Jurnal Hukum* Jil. XIX, Bhg. 2 (Mei 2005), 189-216.
- Hisham Ahmad & Wan Nasyrudin Wan Abdullah. (2015). Mengatasi Kelemahan Profesionalisme dalam Kerja Melalui penghayatan Karekter Hamba-Hamba Ar-Rahman, *Al-Hikmah*, 7(1) 2015, 17-32.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, 'Laporan Muzakarah Pemahaman Arahan Amalan Mahkamah Syariah Tahun 2020 Zon Timur Dan Selatan' dilaksanakan pada 24 Jun 2021, laman sesawang Laman Rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, dicapai 13 September 2021. <http://202.75.5.210/index.php/en/29-aktiviti/1120-laporan-muzakarah-pemahaman-arahan-amalan-mahkamah-syariah-tahun-2020-zon-timur-dan-selatan?tmpl=component&print=1>
- Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan. (2020). Majlis Perasmian Naik Taraf Unit Sulh JKSNs dan Majlis Menandatangani Mou Antara JKSNs dengan UIAM dan USIM'' bertarikh 13 Mac 2020. Laman Web Rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan. Dicapai pada 13 November 2021.; [https://jksns.ns.gov.my/images/BeritaTerkini/2020/0203\\_NAIKTARAF-SULH-DAN-MOU.pdf](https://jksns.ns.gov.my/images/BeritaTerkini/2020/0203_NAIKTARAF-SULH-DAN-MOU.pdf)
- Junaini Kasdan, Nor Suhaila Che Pa & Mohd Syamril Akmar Che Kassim. (2015). Penguasaan Bahasa Melayu Penjawat Awam: Kajian Kes di Universiti Teknikal Malaysia (MTUN). *Jurnal Linguistik*, 19(2) Disember 2015, 45-61.; [https://myjurnal.mohe.gov.my/filebank/published\\_article/43218/4.pdf](https://myjurnal.mohe.gov.my/filebank/published_article/43218/4.pdf)
- Hashim bin Mohamad lwn Norazlina binti Abd. Rashid iaitu kes Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (permohonan semakan no: 14000-003-0041-2010).
- Irshath Ibrahim bin Mohamed Ali Jinnah lwn. Fahmida Ilyas binti Mohamad Ilya, (2018) 46(1) JH 204.
- Mastura Razali & Jasni Sulong. (2016). Amalan Penulisan Penghakiman dan Pelaksanaannya di Mahkamah Syariah Malaysia, *Jurnal Syariah*, 24(1), 25-58.

Mazni Abdul Wahab. (2014). *Pemeriksaan Mahkamah Syariah Melalui Pemakaian Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia*, (Tesis PhD, Universiti Malaya).

Mazni Abdul Wahab. (2016). Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia di Mahkamah Syariah: Suatu Sorotan Literatur, *Jurnal Penyelidikan Undang-Undang Syariah*, 1(2), 175- 186.

*Metro*, Wanita pertama Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Terengganu, *Metro*, 17 Oktober 2017.

Mohamed bin Abdullah lwn. Wan Zuki bin Wan Husin & Lima Yang Lain, (2018) 46(2) JH 218.

Mohammad Hariz Shah & Ahmad Hidayat Buang. (2021). Ahmad Ibrahim dan Sumbangannya dalam Perkembangan Islam di Malaysia. *Journal of Al-Tamaddun*, 16(1), 81–98. <https://doi.org/10.22452/IAT.vol16no1.6>

Mohammad Ghazali & Nor 'Azzah Kamri. (2015). Keperibadian Islam dan Profesionalisme dalam Pekerjaan: Satu Analisis Teoritis, *Jurnal Syariah*, 23(2) (2015), 255–286.; <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JS/article/view/6925/4588>

Mohd Azam Yahya & Abd Basir Mohamad. (2018). Penjawat Awam Dan Pengaruh Terhadap Pembiayaan Peribadi. *Jurnal Maw'izah*, 1(2018), 119–136.; <https://kuim.edu.my/journal/index.php/JMAW/article/view/231/201>

Mohd Koharuddin Mohd Balwi, Rosman Md Yusoff, Mohd Azhar Abd. Hamid, Muhammad Fauzi Othman, Nasir Markom. (2012). Etika Kerja dalam Kalangan Penjawat Awam Malaysia: Perbincangan Makro dan Mikro ke atas Pembuatan Keputusan Etika. *Jurnal Teknologi (Social Sciences)* 58 (2012) 57–62.; <https://doi.org/10.11113/sh.v58n1.204>

Mohd Nadzri Abdul Rahman. (2020). *Pemakaian Arahan Amalan di Mahkamah Syariah*. Selangor: Anaasa Publication.

Muhamad Ariff Ibrahim, Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Sarah Waheeda Muhammad Hafidz & Siti Fardaniah Abd Aziz. (2016). Pengaruh Iklim Organisasi Terhadap Tingkah Laku Kewargaan Organisasi Dalam Kalangan Penjawat Awam. *Journal of Social Sciences and Humanities*,

11(2) (2016), 1-16.;  
[https://myjurnal.mohe.gov.my/filebank/published\\_article/51107/1.pdf](https://myjurnal.mohe.gov.my/filebank/published_article/51107/1.pdf)

Muhammad Faizal A. Ghani, Abdul Khalil Adnan, Zaharah Hussin, Norfariza Mohd. Radzi, Ainoor Mahfuzah Ahmad & Faisol Elham. (2016). Program Pembangunan Profesionalisme Guru Sekolah Berprestasi Tinggi, *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 3(3), 76-103.;  
<https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUPIDI/article/view/8433/5863>

Najibah M. Zin. (2012). The Training, Appointment, and Supervision of Islamic Judges in Malaysia. *Pacific Rim Law & Policy Journal*, 21(1), 115-131.

*Pengesahan Nikah Faizal bin Abdul Rahman dan Norina binti Zainol Abidin*, (2014) 39(1) JH 122.

Perlembagaan Persekutuan

*Re Dato' Seri Anwar bin Ibrahim*, (2016) 43(2) JH 302.

*Rizalman bin Hassan dan Seorang Lain lwn. Ketua pendakwa Syarie JAWI*, (2018) 46(2) JH 239.

Ruzman Md. Noor. (2008). Penulisan Teks Penghakiman dari Aspek Keterangan di Mahkamah Syariah, dalam *Penulisan Teks Penghakiman di Mahkamah Syariah*, ed. Ruzman Md. Noor. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Siti Nur Aisya Sugumarie Abdullah & Ahmad Zabidi Abdul Razak. (2016). Hubungan Dasar Latihan dalam Perkhidmatan dengan Peningkatan Profesionalisme Guru-Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Daerah Petaling Utama. *The Online Journal of Islamic Education*, April 2016, 4(1), 17-27.

Suwaid Tapah. (2008). Penulisan Teks Penghakiman Kes-Kes Mal di Mahkamah Syariah, dalam *Penulisan Teks Penghakiman di Mahkamah Syariah*, ed. Ruzman Md. Noor. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 45-51.

*Syed Omar bin Syed Aidrus lwn. Sharifah Soraya binti Syed Abdul Aziz*, (2017), 44 (2) JH 247.



Tajul Aris Ahmad Bustami. (2007). Bidangkuasa Mahkamah Syariah dalam Kes Perwarisan: Satu Analisis Kritikal Ke Atas Kes Jumaaton Lwn Raja Hizaruddin, dalam Tajul Aris Ahmad Bustami & Mohd Hisham Mohd Kamal & Farid Sufian Shuaib (eds.), *Kaedah Perundangan Bidangkuasa dan Tatacara Mahkamah Syariah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

United Nations Office on Drugs and Crime. (2018). *The Bangalore Principles of Judicial Conduct*. Vienna: United Nations.; <https://www.unodc.org/documents/ji/training/bangaloreprinciples.pdf>

Universiti Sultan Azlan Shah. (2020). Hasil Kajian Universiti Bantu Penghakiman Mahkamah Syariah. Laman Rasmi Universiti Sultan Azlan Shah bertarikh September 2020.; <http://usas.edu.my/index.php/bm/pertandingan-debat-piala-menteri-besar-perak/item/480-hasil-kajian-universiti-bantu-penghakiman-mahkamah-syariah>

Zainal Rahim Seman. (2018). *Laporan Tahunan 2018 Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan*. Putrajaya: Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

Zaini Nasohah, Fatimah Majemi, Zuliza Mohd Kusrin, Ahmad Muhammad Husni, Mohd Al-Adib Samurie. (2016). Analisis Literatur Isu Pelantikan Hakim Syarie Wanita di Malaysia. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 3(1) (2016), 62–70.; [https://myjurnal.mohe.gov.my/filebank/published\\_article/47515/6.pdf](https://myjurnal.mohe.gov.my/filebank/published_article/47515/6.pdf)

Zainudin Hj Ahmad & Fatimah wati Halim. (2013). Pengaruh Ketidakakuran Sivil Terhadap Profesionalisme Anggota PDRM, *Jurnal Psikologi Malaysia*, 27 (2013), h. 117-135.; <http://spaj.ukm.my/ppppm/jpm/article/view/116/92>

Zubaidi Sulaiman & Ahmad Hidayat Buang. (2021). Keabsahan dan Pemakaian Arahan Amalan dalam Pentadbiran Kehakiman dari Perspektif Undang-Undang Syariah dan Sivil: Satu Perbandingan. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 33(1), 29-50.

Zulzaidi Mahmud & Ahmad Hidayat Buang, Wakalah Peguam Syarie Terhadap Permohonan Status Pengesahan Agama di Negeri Sarawak Berdasarkan Pendekatan Maqasid al-Syariah, dalam Nasimah Hussin

et al., (eds.) dalam *Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia: Teori Amalan dan Pelaksanaan* (Malaysia: JKSM & UIAM, 2021), 453-383.

Zulzaidi Mahmud & Ahmad Hidayat Buang. (2016). Kehakiman dan Penghakiman Mahkamah Syariah di Malaysia: Satu Sorotan, *Jurnal Penyelidikan Undang-undang Syariah*, 1(2) (2016), 201-212.

Zulzaidi Mahmud & Ahmad Hidayat Buang. (2021). Profesionalisme Hakim Syarie Melalui Penulisan Teks Alasan Penghakiman Di Mahkamah Syariah dalam Nor Raudah Siren & Yusmini Md Yusoff (eds.), *E-prosiding International Webinar on Da'wah and Human Development Professional Daie-Pillar of The Ummah Glory*. Malaysia: YADIM & APIUM. 387-396.

Zulzaidi Mahmud, Ahmad Hidayat Buang & Afifah Baharuddin (2021) Cabaran Penguatkuasaan Penghakiman Mahkamah Syariah: Kajian Peranan Bahagian Sokongan Keluarga Terhadap Hak Wanita dan Kanak-Kanak di Sarawak, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 6 (10) (2021), 252-267.; <https://www.msocialsciences.com/index.php/mjssh/article/view/1075/77>

Zulzaidi Mahmud, Ahmad Hidayat Buang & Afifah Baharuddin, (2021). Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Penghakiman Mahkamah Syariah: Kajian di Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (Seksyen Sarawak) Terhadap Hak Wanita dan Kanak-Kanak. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(39), 41-50.; <http://www.jised.com/PDF/JISED-2021-39-09-05.pdf>

#### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*

## BIOGRAFI PENULIS

**Zulzaidi Mahmud:** Merupakan Pelajar Ijazah Tinggi PhD daripada Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Kini berkhidmat sebagai Pegawai Syariah di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Bidang penyelidikan yang dilakukan adalah termasuk undang-undang Islam, isu semasa pengurusan dan undang-undang halal, isu kontemporari kehakiman Syariah di Malaysia dan penguatkuasaan penghakiman Mahkamah Syariah. Beliau mempunyai beberapa makalah yang telah diterbitkan berkaitan bidang penyelidikan. Boleh dihubungi melalui email: [zulzaidi86@gmail.com](mailto:zulzaidi86@gmail.com)/ [zulzaidi@esyariah.gov.my](mailto:zulzaidi@esyariah.gov.my).

**Prof. Dato` Dr. Ahmad Hidayat Buang:** *Currently is a Professor at Shariah and Law Department, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Studied at University of Malaya. Received Bachelor of Shariah (Islamic Law) (first class honours) in 1987 from University of Malaya. Later, went to London to receive further training at School of Oriental and African Studies, University of London and obtained LL.M in 1989 and PhD in 1996. Area of specialization is Islamic law of transactions and property, contemporary issues of fatwa and Shariah courts in Malaysia. Written and presented more than 100 articles and papers in journals and conference both locally and internationally.*  
Email: [ahidayat@um.edu.my](mailto:ahidayat@um.edu.my).